

# Industri halal diunjur sumbang 8.7 peratus KDNK

4/4/19 BH  
**Industri** halal diunjur menyumbang kira-kira 8.7 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menjelang 2020 disokong oleh strategi makro dalam usaha meningkatkan pelaburan berkualiti dalam ekonomi halal.

Naib Presiden Perbadanan Pembangunan Industri Halal (HDC), Hamisofian Alias, berkata industri halal tempatan menyumbang secara konsisten setiap tahun sejak 1974 dan pada 2017, ekonomi halal menyumbang sebanyak 7.5 pe-

ratus kepada KDNK.

## **Eksport** dijangka lebih RM40b

"Jumlah eksport dijangka melebihi RM40 bilion daripada jangkakan awal iaitu RM50 bilion pada 2020. Eksport halal negara disumbangkan, terutama oleh sektor makanan dan minuman (F&B), diikuti ramuan halal serta derivatif minyak sawit.

"Antara pasaran eksport utama Malaysia ialah China, Singapura, Amerika Syarikat dan Jepun," katanya pada sidang media sem-



Hamisofian Alias

pena pelancaran Persidangan Halal Dunia (WHC) 2019 di Kuala Lumpur, semalam.

Yang turut hadir, Pengarah Bahagian Industri Perkhidmatan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, Dr Khalid Abdul Hamid.

WHC 2019 kali ke-11 di Pusat Pameran dan Perdagangan Antarabangsa Malaysia (MIITEC) dianjurkan oleh HDC dan dihoskan oleh Kementerian Hal Ehwal Ekonomi. Ia disertai lebih 1,000 peserta jemputan membabitkan 50 negara

terdiri daripada ahli delegasi, pemimpin industri, penyelidik dan pihak lain yang komited terhadap pembangunan pengetahuan halal dan industri halal global.

Bertemakan 'Hala Tuju Ekonomi Halal yang Mampan: Integrasi Pengantarabangsaan', persidangan dua hari bermula semalam akan meneroka peluang dan cabaran dihadapi industri halal menerusi siri wacana bertujuan mengintegrasikan kemajuan teknologi, tadbir urus etika dan pasaran pesat membangun.